KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	UTUSAN			
TARIKH	10.03.22	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	JPSM			



24 UTUSAN MALAYSIA KHAMIS • 10 MAC 2022

Gaya • ALAM

Sejenis bunga parasit di hutan Sungai Rengat dikenali spesies Rafflesia Cantleyi mengambil masa selama sembilan bulan untuk mekar, tapi tempoh mekar cuma sekejap sahaja, iaitu selama dua hingga tiga hari dan kemudiannya mati."

RIDZUAN Mansor (dua dari kanan) bersama kakitangan SWCorp Jerantut mempersembahkan replika Rafflesia di sebuah taman di Bandar Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Keunikan bunga pakma menawan hati

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

PAHANG antara negeri di Semenanjung mempunyai hutan tropika yang luas berbanding dengan negeri lain.

Hutan tropika itu merupakan khazanah negeri ini dan negara secara amnya menjadi tarikan [illegible]

pembangunan sektor ekopelancongan selain pemuliharaan ekosistem.

Hutan berkenaan seluasnya terletak di kawasan Taman Negara dan hutan simpan kerajaan menjadi habitat flora dan fauna serta pelbagai jenis tumbuhan saka yang bernama tinggi.

Selain daripada keindahan alam semula jadi, sungai, gunung-ganang dan bukit-bukau, malahan bunga-bungaan antara tumbuhan yang menyerlai kawasan hutan juga menjadi tarikan pengunjung.

Salah satu tarikan yang jarang dicemari pengunjung, iaitu bunga pakma atau nama saintifiknya, Rafflesia banyak tumbuh [illegible] mekar di Pahang.

Salah sebuah tempat yang tumpuan pengunjung untuk melihat bunga tersebut, iaitu di Sungai Rengat, Ulu Cheka dekat sini [illegible] minit perjalanan dari Bandar Jerantut, Taman Negara.

Kebanyakan Rafflesia mula berkembang pada awal [illegible] November tempohnya [illegible]

ZURAIDA Abd Rahman (kanan) bersama rakannya teruja apabila menemukan kembalian bunga pakma atau Rafflesia di hutan Sungai Rengat, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang.

tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 membolehkan kerenggaran sekatan antara daerah dan negeri memberikan kemudahan pengunjung melawat lokasi terdapatnya bunga tersebut.

Bunga pakma yang dikatakan terbesar di dunia cuma boleh terdapat di empat lokasi di Pahang, iaitu Taman Eko Rimba di Raub, Jerantut, Lipis dan Pulau Tioman, manakala

SABRI ABDULLAH

RIDZUAN MANSOR

ada ditemui di negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Perak dikenali sebagai Rafflesia cantleyi.

Seorang pengunjung dari Temerloh, Zuraida Abd. Rahman berkata, dia mengetahui bunga pakma ini tumbuh mekar di hutan Sungai Rengat dalam bulan Disember lalu menerusi maklumat daripada rakannya.

"Kami terus ke Ulu Cheka, Jerantut dan kemudiannya menaiki kenderaan pacuan empat roda selama 20 minit untuk tiba di hutan Sungai Rengat, Ulu Cheka dan bertuah kerana dapat melihat bunga tersebut berkembang mekar.

"Teruja sangat dapat melihat bunga ini dalam jarak yang dekat sambil merakamkan gambar sebagai kenangan dan belum tentu boleh [illegible] lagi pada masa akan datang. Inilah pertama kali dapat melihat bunga itu yang berwarna gabang merah kecoklatan.

Menurut Zuraida, pemanda pelancong tidak membenarkan mereka menyentuh kerana bunga ini pemalu dan sensitif kemungkinan sekiranya disentuh bunga ini tidak jadi kembang dan mereput.

Tambah Zuraida, oleh kerana belum puas memikmati keindahan warna dan kejelitaan ciptaan Allah SWT, dia bercadang untuk datang semula hutan Sungai Rengat ketika bunga ini tumbuh pada tahun depan.

Sembilan bulan baru mekar

PENCINTA tumbuhan liar Taman Negara, Sabri Abdullah, 52, berkata, spesies Rafflesia cantleyi mengambil masa sekurang sembilan bulan untuk mekar, tapi tempoh mekar cuma sekejap sahaja, iaitu selama dua hingga tiga hari dan kemudiannya mati.

"Kita boleh melihat sahaja, tetapi tidak boleh menyentuh kerana bunga ini sangat sensitif dan akan menguncup serta kemudiannya akan mati. Selain itu, bunga ini akan mengeluarkan bau busuk untuk menarik serangga bagi penyebaran bioranya.

"Oleh sebab itu, jarang dimuni Bunga Pakma di hutan tempat dan kemudahan tumbuhan ini menjadi aset pembangunan ekopelancongan di Ulu Cheka daerah ini.

Ujarnya, penemuan bunga spesies itu amat jarang dan bukan semua pengunjung berpeluang menikmati kemudahan tumbuhan tersebut cuma mukim Ulu Cheka daerah ini yang dikenali 'Rafflesia Trail' antara lokasi yang dilindungi oleh Jabatan Perhutanan.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Daerah Jerantut yang juga Pengurusi Infrastruktur dan Lalu Lintas, Datuk Ridzuan Mansor berkata, Rafflesia menjadi ikon kebersihan dan kemudahan Bandar Jerantut, Bandar Taman Negara sebagai nilai tambah tarikan pengunjung ke situ.

"Menerusi Program Trash To Cash anjuran SWCorp kempen, bahan terpakai seperti tayar dikitar semula lalu dibentuk (dijadikan) bunga Rafflesia antara hiasan di kawasan tumpuan pengunjung bandar ini sekali dengan matlamat Projek Showcase Bandar Sihat yang diancarkan baru-baru ini.

"Pengunjung bukan sahaja mengenali bandar ini sebagai transit ke Taman Negara Kuala Tahan, tetapi dapat menghayati Rafflesia dengan berkunjung ke hutan simpan Kampung Ulu Cheka di samping mengenali sejarah pahlawan Pahang yang menentang Jepun, British dan Komunis, iaitu Pawang Ning Santan," katanya.

Bagi kalangan pakar perubatan dan pengamal herba tempatan, bunga pakma atau Rafflesia dikaitkan perjagaan kesihatan dalaman wanita termasuk menyeriakan wajah.

Keberkesanan rawatan kesihatan berasaskan bunga tersebut sehingga kerap dicari dalam hutan untuk dijadikan khasiat rawatan ibu hamil bersalin, mencantikkan perut, awet muda, memudahkan kelahiran dan bermacam-macam khasiat lagi.

Masyarakat Orang Asli etnik Batek yang mendiami hutan Taman Negara dikatakan mempunyai 'sahsia' tentang Rafflesia bagi tujuan rawatan dan perubatan bagi kalangan wanita selepas melahirkan anak.

Hari ini, Rafflesia antara bunga yang menjadi ikon ekopelancongan yang gambarnya menjadi hiasan di pintu masuk sesebuah bandar dan mewarnai landskap taman namun bukan semua pengunjung dapat menjejaki bunga yang bernilai komersial itu.

BUNGA PAKMA

- Dikenali juga sebagai Rafflesia.
- Sejenis tumbuhan berbunga dengan bunga besar.
- Bunga pakma spesies Rafflesia arnoldii merupakan yang terbesar di dunia dengan saiz 91 cm diameter, 19 cm tebal dengan berat tujuh kilogram.
- Pertama kali dijumpai oleh Sir Stamford Raffles dan Dr Joseph Arnold pada 1818.
- Bila bunga ini kembang, ia mengeluarkan bau yang busuk.
- Tidak memiliki akar untuk menyerap air dan mineral dari tanah untuk diproses sebagai protein.
- Yang ada cuma tisu-tisu yang kelihatan seperti tiub-tiub halus yang panjang memasuki tumbuhan perumah.
- Tumbuhan parasit ini tidak menghasilkan nutrisinya sendiri, ia hanya perlu menyerap nutrisi dari perumahnya.



PENGUNJUNG domestik dan pencinta bunga liar berpusu-pusu di pintu masuk Rafflesia Trail untuk menjejaki Rafflesia yang berkembang mekar di kawasan hutan berdekatan Kampung Ulu Cheka, Jerantut, Pahang.